

Agensi, universiti kerjasama jayakan pelan transformasi pertanian

AGENSI pelaksana pertanian seperti Felda, Risa, Mada dan Keda perlu mengenal pasti keperluan perkongsian bijak dengan institusi pengajian tinggi dalam usaha mengerakkan transformasi lebih berkesan seiring dengan keperluan global semasa.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, perubahan transformasi yang lebih baik perlu dilakukan oleh pihak terbabit bagi berdepan cabaran globalisasi dalam bidang pertanian khususnya masalah kekurangan makanan serta kebuluran yang masih melanda dunia.

Menurutnya, pihak universiti khususnya institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) perlu memainkan peranan lebih aktif dan kreatif membangunkan bersama bidang pertanian dengan tumpuan diberikan dalam aspek kajian pembangunan pertanian.

"Pihak universiti harus menerima cabaran ini khususnya universiti swasta agar turut sama memperluaskan skop program pengajian mereka dalam bidang pertanian, tidak semata-mata mengharapakan kemudahan disediakan oleh universiti awam sedia ada," katanya sewaktu berucap merasmikan Kongres Pertanian Antarabangsa 2012 Transformasi Pertanian Untuk Tuaian Masa Depan di Putrajaya baru-baru ini.

Kongres kali Kelima pada tahun ini anjuran Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) disertai 300 peserta dengan objektif membincangkan cadangan inovasi, strategi dan polisi meningkatkan bekalan makanan dunia.

Ia berlangsung selama dua hari bermula 4 September menampikan pembentang kertas kerja dari luar negara seperti Pengarah Institut penyelidikan Polisi Makanan Antarabangsa Asia (IFPRI Asia), Dr Anjan Datta; dari Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu



(UNEP), Dr P.K. Joshi; wakil Persatuan Industri Baja Antarabangsa (IFIA), Dr. Luc Maene; Profesor Dr. Monique Leclerc (Universiti Georgia, Amerika Syarikat); Prof. Dr. Rajiv Khosla (Amerika Syarikat) dan Dr. Bas Bauman mewakili Institut Penyelidikan Padi Antarabangsa, Filipina.

Antara isu perbincangan yang ditekankan pada kongres tersebut ialah berkaitan pengeluaran tanaman, haiwan ternakan dan akuakultur, tanaman masa depan, perubahan iklim, ekonomi pengeluaran dan perniagaan tani, penggunaan sumber serta pemindahan teknologi.

Selain itu menurut Mohamed Khalid, IPTS perlu mengerakkan kerja inovasi mereka dalam bidang pertanian melalui kerjasama agensi kerajaan terlibat bagi sama-sama membantu negara melahirkan lebih ramai modal insan dalam bidang itu.

Usaha itu, kata beliau, secara tidak langsung dapat membantu memperluaskan akses dalam bidang pertanian yang sebelum ini hanya tertumpu kepada universiti awam yang sedia ada.

Pada masa yang sama, katanya, perkongsian bijak yang ditekankan antara pihak universiti dan agensi kerajaan berkaitan pertanian harus diperluaskan termasuk melalui penganjuran bengkel serta perbincangan semasa seperti Kongres Pertanian Antarabangsa 2012 yang dianjurkan oleh UPM setiap tahun sejak 2004.

Melalui penganjuran kongres itu, ujarnya, semua pihak yang terlibat dikumpulkan dalam satu tempat dan masa bagi membincang serta meneroka pelbagai strategi termasuk proses inovasi dalam melaksanakan pelan transformasi pertanian yang mempunyai hubungan kait yang rapat dengan isu keselamatan makanan global.

"Kita mahu masalah dan aplikasi yang sesuai mengenai pembangunan pertanian dibincang dan dirangka bagi cadangan inovasi, strategi dan polisi demi membantu meningkatkan bekalan makanan dunia disamping menilai dan meramalkan kesan perubahan iklim dan cabaran berkaitan yang boleh mengekang pengeluaran pertanian.

"Melalui kongres ini, tenaga akademik, penyelidik, pelajar, pengusaha dan pembekal alat pertanian, pengubal polisi dan pengamal pertanian yang terlibat secara langsung dalam pengeluaran produk huluhan dan hiliran pertanian di peringkat nasional dan global dalam pertanian tropika berpeluang untuk berkongsi idea, ilmu dan teknologi dengan penyelidik tempatan dan antarabangsa," katanya.